

## ANALISIS PENGAJARAN DALAM KISAH NABI SALEH DAN KAUMNYA

Wan Suhailah Binti Wan Abdul Jalil<sup>1</sup>  
Asmadi Bin Abdul Rahman<sup>2</sup>

### Abstrak

*Artikel ini ditulis bagi menganalisis pengajaran yang terdapat dalam kisah Nabi Saleh dan kaumnya. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Pengkaji menggunakan beberapa buah buku 'Qasas al-Quran' sebagai sumber utama selain al-Quran dan Hadis. Kajian ini turut melihat kajian-kajian lepas serta penyelidikan terdahulu menerusi jurnal dan artikel berkaitan kisah para anbiya'. Hasil kajian menunjukkan bahawa, kaum Thamud ialah kaum yang sombong dan derhaka kepada Allah. Mereka diberi kesenangan, kemewahan, kesuburan tanah dan tanaman akan tetapi mereka tidak beriman kepada Allah. Disebabkan kedegilan dan kesombongan mereka Allah mendatangkan azab-Nya kepada mereka.*

**Kata Kunci:** Nabi Saleh, *Qasas* al-Quran.

### PENDAHULUAN

Sebagai sunnah (aturan) bagi Allah mengutus utusannya bagi setiap umat di dunia ini. Ini bertujuan bagi memperkenalkan dirinya sebagai tuhan yang menciptakan alam semesta dan mengatur segala-galanya dan menjauhi kesyirikan dan kekufuran. Antara rasul-rasul yang diutus oleh Allah kepada umat manusia ialah Nabi Saleh. Kisah perutusan Nabi Saleh adalah antara kisah nabi yang banyak dirakam dalam al-Quran.

Dalam al-Quran Allah menyebut nama Saleh sebanyak 9 kali. Terdapat beberapa surah yang menceritakan tentang Nabi Saleh dan kaumnya. Surah-surah yang menceritakan secara mendalam tentang kaum ialah surah *al-Shams*, *al-Qamar*, *al-'Araf*, *al-Syu'ara*, *al-Naml*, *Hud*, *al-Hijr* (Fadil Hasan Abbas 2010).

Manakala nama kaumnya pula (Thamud disebut sebanyak 26 kali. Solah al-Khalidi (2011) menjelaskan secara mendalam tentang surah-surah yang menceritakan kisah Nabi Saleh dan kaumnya di dalam al-Quran.

Allah menceritakan kisah-kisah Nabi dan Rasul dalam al-Quran bertujuan untuk dijadikan pengajaran dan panduan hidup kepada umat setelah mereka. Pada setiap kisah dalam al-Quran itu terdapat pelajaran dan pengajarannya yang tersendiri.

---

<sup>1</sup> Penulis merupakan pelajar pascasiswazah Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>2</sup> Penulis merupakan Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS)

Oleh itu kajian ini mengetengahkan pengajaran yang terdapat dalam kisah kaum Nabi Saleh terhadap perbuatan buruk mereka kepada utusan Allah dan pengingkaran mereka terhadap perintah Allah.

Dengan mempelajari ilmu sirah inilah dapat membawa diri seseorang dekat dengan Nabi dan Rasul serta menghayati Islam dengan baik. Sebagai seorang Muslim perlunya untuk mengambil tahu akan kisah-kisah *ibrah* ini supaya membantu diri ke arah penghayatan Islam yang lebih baik. Setiap Muslim perlu mempelajari sirah dan agama kerana seorang Muslim tidak akan sempurna imannya jika tidak menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai panduan hidupnya.

## **SOROTAN LITERATUR**

Terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan sebelum ini berkaitan Nabi Saleh dan Kaumnya. Husnil Mardyan (2018) telah melakukan kajian “Pesan Moral Dalam Kisah Nabi Saleh dan Kaumnya: Sebuah Kajian Tematik”. Beliau telah menggunakan kitab-kitab tafsir khusus bagi menganalisis kajian. Beliau juga menggunakan metode tafsir *maudhui*’ dalam mendapatkan hasil kajian. Hasil kajian beliau menemukan bahawa sebagai umat tidak boleh berlaku ingkar, berhasad dengki dan ketinggian kesabaran seorang nabi.

Selain itu, Zuraidha Hanum (2014) pula, melakukan kajian terhadap “Kisah Kaum-Kaum yang Dihancurkan dalam al-Quran”. Beliau telah menggunakan model filsafat sejarah Ibnu Khaldun sebagai teori dalam kajiannya. Di antara Kisah kaum yang dihancurkan oleh Allah ialah kisah Nabi Saleh dan Kaumnya. Hasil kajian beliau menemukan kebanyakan sejarah telah menunjukkan bahawa kaum terdahulu dihancurkan dengan berlakunya bencana alam.

Oleh itu, melihat daripada kajian lepas, pengkaji masih belum menemukan kajian yang ada menyebut secara khusus tentang pengajaran yang dapat diambil daripada keseluruhan kisah Nabi Saleh dan kaumnya. Maka pengkaji mengemukakan kertas kerja ini dengan tajuk khusus tentang analisis pengajaran daripada kisah Nabi Saleh dan Kaumnya.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Perbincangan menumpukan tiga aspek utama iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data, dan kaedah penganalisan data. Metodologi kajian yang digunakan berbentuk kualitatif. Reka bentuknya bersifat analisis kandungan, manakala data dikumpulkan melalui rujukan-rujukan bertulis seperti al-Quran, Hadis dan pengkaji menggunakan beberapa buah buku yang berkaitan dengan kisah Nabi Saleh. Selain itu, kajian-kajian lepas juga turut menjadi modal rujukan seperti tesis, artikel dan buku yang berkaitan dengan tajuk kajian ini iaitu kisah Nabi Saleh dan Kaumnya. Data dianalisis secara deskriptif. Penganalisan data kualitatif memerlukan penelitian terhadap beberapa perkara asas yang perlu diambil kira, antaranya pengkaji perlu membaca, mengemas kini, melengkapkan setiap artikel dan data-data yang diperoleh.

## **BIOGRAFI NABI SALEH**

### **Sejarah Nabi Saleh**

Sebahagian kecil ulama' telah mengatakan bahawa Nabi Saleh adalah seorang Nabi yang telah diutus oleh Allah kepada satu kaum yang digelar dengan nama Thamud. Nama penuh Nabi Saleh ialah, Saleh bin Ubaid bin Masih bin Ubaid bin Hadir bin Thamud bin 'Asirih bin 'Iram bin Sam bin Nuh (Khalil Daryan 2013).

Johari (2009) pula berpendapat Nabi Saleh ialah seorang hamba Allah dan Rasul-Nya yang memikul tugas dan tanggungjawab sebagai seorang Nabi. Nama penuh Nabi Saleh ialah Saleh bin Ubaid bin Asif bin Masih bin Ubaid bin Hadir bin Thamud bin 'Asirih bin Sam Nuh. Husnil (2018) memetik nukilan dari Sa'labi, mengatakan nama Thamud ialah Thamud bin 'Ad bin 'Aus bin Aram.

Manakala menurut Fadil Hasan Abbas (2011) pula, Nabi Saleh adakah seorang lelaki yang dikirim Allah kepada kaum Thamud dengan tujuan tertentu dan dikurniakan mukjizat. Nabi Saleh dianugerahkan seekor unta sebagai mukjizat yang jelas dan menjadi dalil kepada kaumnya.

Selain itu, Ibn Kathir (2017) menjelaskan tentang Nabi Saleh dalam kitabnya, beliau ialah seorang lelaki dari kaumnya yang diutuskan oleh Allah bagi tujuan mengajak mereka menyembah Allah semata-mata, menjauhi penyembahan berhala dan bersyukur kepada nikmat yang diberikan. Nama penuh beliau ialah Saleh bin 'Ubaid bin Masikh bin Ubaid bin Hajir bin Thamud bin 'Abir bin Iram bin Sam bin Nuh.

Tujuan Allah mengutus Nabi Saleh kepada kaumnya adalah untuk berdakwah kepada kaumnya agar beribadah kepada Allah sahaja dan meninggalkan penyembahan berhala (Abdul Karim Zaidan 2014). Beliau juga merupakan seorang hamba Allah dan Rasul-Nya yang diberi tanggungjawab untuk berdakwah kepada kaumnya (Johari 2009).

### **Sejarah Kaum Thamud**

Solah al-Khalidi (2011) menafsirkan Thamud adalah satu kaum yang menjadi khalifah setelah zaman kaum 'Ad. Mereka tinggal di al-Hijr. Kawasan tersebut ialah kawasan pergunungan dan lembah. Oleh itu rumah-rumah mereka diperbuat daripada gunung-ganang.

Kaum Thamud juga adalah satu kaum yang hidup sezaman dengan Nabi Saleh. Mereka berasal daripada keturunan Arab dan tinggal di sebuah tempat yang bernama Hijaz, kedudukannya terletak di antara Hijaz dan Tabuk. Nama Thamud diambil sempena nama datuk mereka iaitu Thamud. Beliau ialah salah seorang adik-beradik Jadis dan mereka adalah anak kepada 'Asir bin Sam bin Nuh (Khalil Daryan 2013). Mereka merupakan bangsa Arab dari suku Aribah, mereka juga tinggal di Hajar, sebuah kawasan yang terletak di antara Hijaz dan Tabuk (Johari 2009).

Manakala Abdul Karim Zaidan (2014) pula berpendapat, Thamud adalah satu kabilah Arab yang wujud sebelum zaman Nabi Ibrahim. Tempat tinggal mereka terletak di antara Hijaz dan Syams ke wadi Qara. Nabi Muhammad pernah melalui kawasan ini semasa hendak ke tabuk

pada tahun 9 Hijrah. Tambahan menurut Husnil (2018), tempat tersebut masih terdapat tinggalan-tinggalan lama. Orang yang mengunjungi tempat tersebut dipanggil “Fajjun-Naqah”. Kawasan tersebut juga berada di tenggara Madyan dan berdekatan dengan Teluk ‘Aqabah.

Ibn Kathir (2017) pula dalam kitabnya menyatakan Thamud ini adalah satu qabilah yang terkenal pada zamannya. Mereka merupakan satu kaum yang hidup selepas kaum ‘Ad dan menyembah berhala seperti kaum yang terdahulu. Nama Thamud diambil bersempena dengan nama datuknya dan mempunyai adik-beradik kandung yang bernama Jadis. Mereka berdua anak ‘Abir bin ‘Iram bin Sam bin Nuh. Mereka ialah keturunan Arab dan tinggal di antara Hijaz dan Tabuk. Kawasan ini ialah Kawasan yang pernah dilalui oleh Rasulullah dan kaum Muslimin semasa hendak ke Tabuk.

### **Seruan Dakwah Nabi Saleh Kepada Kaumnya (Thamud)**

Ayat-ayat membicarakan tentang seruan dakwah Nabi Saleh kepada kaumnya banyak dirakamkan oleh Allah dalam al-Quran. Di antara yang termaktub dalam al-Quran.

Di dalam *Surah Hud* (11: 61) Allah menyatakan kepada kaum Thamud bahawa Allah telah mengutus Nabi Saleh sebagai Nabi kepada mereka dan menyeru untuk meninggalkan perbuatan syirik dan mungkar. Maksudnya: Dan kepada kaum Thamud, kami utuskan saudara mereka Nabi Saleh. Ia berkata "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah, tiada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya. Dia lah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi serta menghendaki kamu memakmurkannya. Oleh itu mintalah ampun kepada Allah daripada perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepada-Nya dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya Tuhanku sentiasa dekat, lagi sentiasa memperkenankan permohonan hamba-Nya".

Di dalam *Surah al-‘Araf* (7:73) juga terdapat seruan yang berbentuk mentauhidkan Allah sekali gus menceritakan tentang mukjizat (Unta) Nabi Saleh yang dikurniakan Allah kepadanya. Maksudnya: Dan kepada kaum Thamud Kami utuskan saudara mereka iaitu Nabi Saleh. Ia berkata "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah, tiada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya. Sesungguhnya telah datang kepada kamu keterangan yang nyata (mukjizat) dari Tuhan kamu, ini adalah seekor unta betina dari Allah sebagai keterangan bagi kamu (membuktikan kebenaran ku). Oleh itu, biarkanlah unta itu mencari makan di bumi Allah, dan janganlah kamu menyentuhnya dengan sesuatu yang menyakitinya, (jika kamu menyentuhnya) maka kamu akan ditimpa azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

Manakala di dalam surah *Surah al -Naml* (27:45) pula, ayat tersebut menyatakan bahawa Nabi Saleh itu adalah asal daripada keturunan mereka dan menjadi utusan Allah adalah semata-mata untuk mengajak mengesakan Allah. Maksudnya: Dan demi sesungguhnya, Kami telah mengutus kepada kaum Thamud, saudara mereka Nabi Saleh menyeru mereka dengan berkata "Sembahlah kamu akan Allah!" Maka tiba-tiba mereka menjadi dua puak (mukmin dan kafir) yang berbalah. Ayat -ayat di atas menunjukkan perutusan Nabi Saleh adalah untuk menyeru kaumnya agar menyembah Allah dan meninggalkan penyembahan berhala. Hal ini juga turut menjadi bukti kepada tujuan para anbiya lain apabila diutuskan oleh Allah pada satu kaum, tidak

lain dan tidak bukan tujuan utama mereka adalah untuk mengajak manusia mentauhidkan Allah (Abdul Karim Zaidan 2010; Ibn Kathir 2017).

Dalam masa yang sama juga Nabi Saleh mengingatkan mereka akan pertalian silaturahim dirinya dengan mereka. Mereka adalah berasal daripada keturunan yang sama dan mempunyai ikatan darah. Disebabkan hal tersebut Nabi Saleh tidak mahu mereka diazab oleh Allah kerana itu Nabi Saleh segera mengajak mereka menyembah Allah (Husnil 2018).

Dalam kisah Nabi Saleh ini juga menunjukkan kebesaran Allah seperti telah mengurniakan mukjizat kepada Nabi Saleh dengan memberikan seekor Unta.

### **Penentangan Kaun Thamud Terhadap Dakwah Nabi Saleh dan Kemunculan Mukjizat (Unta) Nabi Saleh**

Dalam membicarakan tentang dakwah tentu sekali adanya cabaran, *mehnah* mahupun kegembiraan. Dalam kisah Nabi Saleh ini terdapat beberapa perkara yang berat yang telah dihadapi oleh Nabi Saleh semasa dakwahnya.

Di dalam kitab Khalil Daryan (2013), beliau menceritakan seorang daripada kaum Nabi Saleh telah mencabar beliau untuk mengeluarkan seekor unta dari padang pasir tersebut. Oleh itu, Nabi Saleh terus berdoa dengan bersungguh-sungguh serta kehambaannya kepada Allah dan permintaan dikabulkan oleh Allah. Allah telah menganugerahkan Nabi Saleh dengan seekor unta betina yang keluar dari celahan batu di tengah-tengah padang pasir tersebut. Melihat kejadian itu, sebahagian daripada mereka terus beriman dan membenarkan kenabian Nabi Saleh. Manakala, sebahagian lagi mendustakan dan tidak dapat menerima kenyataan. Mereka menyatakan hal ini ialah perkara yang luar biasa. Maksud luar biasa mereka adalah kerana Nabi Saleh telah menunaikan janji dan secara tiba-tibanya unta itu keluar dari celahan batu.

Menurut beliau lagi, selepas unta tersebut berada di hadapan mereka Nabi Saleh meletakkan syarat kepada kaumnya kerana dikhuatiri sesuatu yang tidak diinginkan berlaku. Syaratnya, mereka tidak boleh menyentuh dan membunuh unta tersebut. Mereka hendaklah membiarkan unta itu makan apa yang ada di atas bumi ini serta meminum air dari perigi mereka. Nabi Saleh juga turut mengingatkan mereka akan azab Allah jika mereka melanggar syarat-syarat tersebut.

Manakala Sya'rawi (2005) di dalam kitabnya membahaskan tentang mukjizat ini dengan menyatakan, jika pokok yang keluar dari padang pasir, maka itu adalah perkara biasa, begitu juga jika keluar tumbuh-tumbuhan, tetapi sengaja Allah mengeluarkan haiwan untuk menjadikan satu mukjizat kepada utusan-Nya. Allah menganugerahkan seekor unta betina yang di dalam perutnya ada janin dan hal ini juga ialah permintaan dari mereka. Allah berhak melakukannya serta menjadikan ini sebagai satu penyaksian kepada mereka. Sesungguhnya Allah jualah yang memelihara unta tersebut serta memberi makan dan minum kepadanya.

Abdul Karim Zaidan (2010) juga di dalam kitabnya membahaskan tentang mukjizat Nabi Saleh dengan menyatakan maksud “telah datang kepada kamu mukjizat” yakni sesungguhnya telah datang kepada kaum Thamud bukti dari Allah akan kebenaran yang dibawa oleh Nabi Saleh. Unta betina sebagai bukti mukjizat dari Allah. Sebelum itu, mereka pernah menyoal

kepada Nabi Saleh untuk datangkan suatu mukjizat kepada mereka. Maka dengan kesungguhan Nabi Saleh memohon kepada Allah agar menunaikan permintaan kaumnya terhadap beliau. Dengan kehambaan dan kesungguhannya, maka keluarlah seekor unta betina dari celahan batu dan ia menjadi suatu bukti kepada mereka yang menyaksikannya, lantas sebahagiannya terus beriman serta membenarkan kenabian Nabi Saleh.

Solah al-Khalidi (2011) menyatakan, Allah telah menjadikan unta Nabi Saleh sebagai mukjizat yang jelas bagi menunjukkan kebenaran kenabian terhadap Nabi Saleh. Unta yang dianugerahkan itu mempunyai cukup sifat dan penciptaannya sempurna. Kewujudan unta ini juga sebagai dalil tentang perutusan Nabi Saleh kepada kaumnya.

### **Konflik terhadap Mukjizat Nabi Saleh**

Kewujudan unta tersebut membuat mereka tidak senang dan mula menolak mukjizat Nabi Saleh dengan mengingkari kewujudan unta serta syarat yang telah diletakkan oleh Nabi Saleh kepada mereka. Dalam masa yang sama, ramai yang mula beriman, terutamanya orang-orang yang lemah. Manakala orang-orang besar yang mempunyai pangkat sukar untuk beriman kerana mereka lebih cenderung kepada hawa nafsu dan sering berdebat (Abdul Karim Zaidan 2010). Hal ini selaras dengan firman Allah *Surah al-'Araf* (7:75) yang bermaksud; Ketua-ketua yang sombong takbur dari kaumnya berkata kepada orang-orang yang dipandang lemah iaitu orang-orang yang telah beriman di antara mereka "Tahukah kamu bahawa Saleh itu diutus dari Tuhannya?" Mereka menjawab "Sesungguhnya kami beriman kepada apa yang ia diutus untuk menyampaikannya".

Disebabkan mereka tercabar dengan situasi tersebut, mereka mengabaikan syarat yang telah ditetapkan dan mula mengadakan beberapa rancangan untuk membunuh unta Nabi Saleh. Penentangan awal dimulakan oleh Zuab bin Amru bin Lubaid dan Habbah pemilik berhala yang menjadi sembahannya mereka (Johari 2009).

Pada awalnya tidak ada siapa yang berani melakukan perkara tersebut. Akhirnya mereka menggunakan para wanita untuk menggoda para lelaki bagi membunuh unta Nabi Saleh. Wanita tersebut telah menetapkan syarat kepada sesiapa yang berani membunuh unta tersebut. Wanita pertama ialah Shaduq, seorang janda bangsawan yang kaya raya dan sanggup untuk menyerahkan dirinya kepada siapa yang dapat membunuh unta Nabi Saleh. Manakala wanita kedua ialah Unaizah, seorang kafir tua yang akan menghadihkan salah seorang anaknya kepada pembunuh unta tersebut (Husnil 2018).

Dengan hasutan yang kuat terhadap para pemuka Thamud, dua orang lelaki bernama Mushadda' bin Muharrij dan Gudar bin Salif siap sedia untuk melakukan pembunuhan bagi meraih hadiah yang dijanjikan serta mengharap sanjungan dan pujian yang akan diterimanya dari para kafir kaum Thamud setelah berjaya membunuh unta Nabi Saleh. Dengan bantuan tujuh orang lelaki, mereka bersembunyi dari jauh dan melihat ke tempat yang menjadi kebiasaan unta tersebut lalu. Setelah melihat kelibat unta tersebut, dengan segera Musadda' memanahnya dan Gudar pula menikam perut unta tersebut dengan pedangnya (Husnil 2018).

Setelah pembunuhan unta tersebut, Nabi Saleh telah mengingatkan mereka dengan peringatan azab yang bakal diterima oleh mereka. Nabi Saleh mengatakan bahwa selepas tiga hari azab Allah akan menimpa mereka. Azab akan diturunkan pada pagi hari keempat (Solah al-Khalidi 2011).

### **Peringatan Nabi Saleh Terhadap Kaumnya**

Nabi Saleh sentiasa mengingatkan kaumnya agar bersyukur dengan nikmat yang telah Allah kurniakan kepada mereka supaya terhindar daripada azab Allah. Nabi Saleh juga sentiasa mengajak kaumnya agar mengesakan Allah dan memberitahu bahawa dengan mengesakan juga salah satu cara untuk mempersembahkan kesyukuran yang diberikan kepada mereka. Selaras dengan firman Allah, *Surah al-'Araf* (7:74) yang bermaksud; Dan kenanglah ketika Allah menjadikan kamu khalifah-khalifah selepas kaum Ad, dan di tempatkan kamu di bumi dengan memberi kemudahan untuk kamu mendirikan istana-istana di tanahnya yang rata, dan memahat gunung-ganangnya untuk dijadikan rumah. Maka kenangkanlah nikmat-nikmat Allah itu dan janganlah kamu bermaharajalela melakukan kerosakan di muka bumi.

Abdul Karim Zaidan (2010) telah mengupas beberapa kalimah dari ayat-ayat di atas: Kalimah ini memaksudkan bahawa Allah telah memberi kekuatan kepada mereka untuk membina rumah dari bukit dan tinggal di situ, dan Allah memudahkan bagi mereka.

Nikmat utama yang telah dikurniakan oleh Allah kepada mereka adalah seekor unta, kesuburan tanah, mempunyai kekuatan untuk memahat gunung menjadi rumah-rumah dan lain-lain. Kesemua nikmat ini mereka tidak menggunakan dengan baik dan tidak menganggap sebagai nikmat (Abdul Karim Zaidan 2010)

### **Implikasi akibat Menentang Allah dan Utusan-Nya**

Selepas Nabi Saleh mengingatkan mereka kepada azab Allah tetapi mereka mendustakannya. Maka, tunggulah mereka akan azab yang akan datang selepas tiga hari. Menurut Khalil Daryan (2013) dan Ibn Kathir (2016), hari permata ialah hari Khamis dan wajah mereka mula kekuningan. Hari kedua pula jatuh pada hari Jumaat, wajah mereka kelihatan kemerahan dan. Seterusnya hari ketiga ialah hari Sabtu, wajah mereka kelihatan kehitaman, maka berlalulah hari terakhir itu untuk mereka. Selepas hari ketiga mereka masih menunggu-nunggu apa dan bagaimana azab yang dikatakan oleh Nabi Soleh terhadap mereka.

Tiba-tiba terdengar suara yang sangat kuat dan menakutkan dari langit. Suara itu disertai dengan gempa bumi yang kuat. Demikian cepatnya mereka dihancurkan oleh guruh. Mereka hancur lebur oleh guruh dan hancur seolah-olah mereka tidak pernah wujud. Tidak seorang pun dari mereka yang selamat dari azab Allah kecuali yang beriman kepada-Nya (Fadil Hasan Abbas 2009; Solah al-Khalidi 2011). Itulah bentuk azab yang diturunkan oleh Allah kepada mereka.

Terdapat beberapa ayat dan surah-surah yang menceritakan tentang proses penurunan azab Allah ke atas mereka. Antaranya ialah *Surah al-Naml* (27: 48-53) yang bermaksud dan di bandar (tempat tinggal kaum Thamud) itu, ada sembilan orang yang semata-mata melakukan kerosakan di bumi (dengan berbagai-bagai maksiat) dan tidak melakukan kebaikan sedikit pun (ayat 48).

Mereka berkata (sesama sendiri) "Hendaklah kamu masing-masing bersumpah dengan nama Allah, bahawa sesungguhnya kita akan membunuh Saleh dan pengikut-pengikutnya secara mengejut pada waktu malam, kemudian kita akan berkata kepada warisnya "Kami tidak hadir (di tempat) pembunuhan (Saleh apalagi membunuhnya atau membunuh) pengikut-pengikutnya, dan sesungguhnya kami adalah berkata benar" (ayat 49). Dan (dengan demikian) mereka telah merancang rancangan jahat, dan Kami pula merancang balasannya dengan seburuk-buruk balasan, sedang mereka tidak menyedarinya (ayat 50). Maka lihatlah bagaimana akibat rancangan jahat mereka, Kami telah hancurkan mereka dan kaum mereka semuanya (ayat 51). Kesudahannya rumah-rumah mereka itu telah runtuh ranap dengan sebab mereka berlaku zalim, sesungguhnya kejadian yang demikian mengandung pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mahu mengetahui (akan sebab dan musababnya) (ayat 52). Dan Kami selamatkan orang-orang yang beriman, serta yang selalu bertakwa (ayat 53).

Di dalam *Surah al-'Araf* (7:78), Allah menceritakan tentang bentuk azab yang ditimpakan kepada kaum Thamud yang bermaksudnya maka, mereka pun dibinasakan oleh gempa bumi, lalu menjadilah mereka mayat-mayat yang tersungkur di tempat tinggal masing-masing. Manakala di dalam *Surah al-Fajr* (89: 6-12), Allah menceritakan azab Allah dan kesannya selepas ketiadaan mereka kaum Thamud yang bermaksudnya:

(Kami tetap akan membinasakan orang-orang yang menentang wahai Muhammad), tidakkah engkau perhatikan, bagaimana Tuhan mu telah melakukan terhadap kaum Adam (yang kufur derhaka). Iaitu penduduk "Iram" yang mempunyai bangunan-bangunan yang tinggi tiangnya, (sesuai dengan penduduknya). Yang belum pernah diciptakan sepertiya (tentang besar dan kukuhnya) di segala negeri (pada zamannya)? Dan (terhadap) kaum Thamud yang memahat batu-batu besar di lembah (Wadil-Qura iaitu tempat tinggalnya)? Dan (terhadap) Firaun yang menguasai bangunan-bangunan yang handal kukuh. (Semuanya itu ialah) orang-orang yang telah bermaharajalela di negeri (masing-masing). Lalu mereka melakukan dengan banyaknya kerosakan dan bencana di negeri-negeri itu.

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kisah Nabi Saleh dan kaumnya, terdapat beberapa pengajaran penting yang dapat diteladani. Antaranya ialah:

### 1. Berdakwah menyeru kepada penyembahan Allah semata-mata

Seperti yang dilakukan oleh Nabi Saleh dan nabi-nabi yang terdahulu. Tujuannya hanya untuk mengesakan Allah dan meninggalkan penyembahan berhala serta lain-lain yang mensyirikkan Allah. Pendakwah hari ini perlu mencontohi sifat dakwah Nabi Saleh ini agar dakwah dapat terus dijalankan walau banyak ujian datang melanda. Hal ini seperti yang telah difirmankan Allah dalam *Surah al-'Araf* (7: 73):



Maksudnya:

Kepada Thamud, Wahai Kaumku! Sembahlah Allah, tiada tuhan selain-Nya. Sesungguhnya telah datang kepada kamu keterangan yang nyata (mukjizat) daripada tuhan kamu.

## **2. Melihat kebesaran Allah**

Hal ini dapat dilihat apabila kaumnya mencabar Nabi Saleh untuk mengeluarkan seekor unta kepada mereka. Oleh itu Allah terus mengabulkan permintaan dan mengurniakan mukjizat kepada Nabi Saleh dengan menganugerahkan seekor unta. Pendakwah perlu mengagungkan kurniaan Allah dan mempercayai mukjizat setiap para Nabi. Mukjizat Nabi Saleh diabadikan dalam al-Quran, *Surah al-'Araf (7: 73)* yang bermaksud; Sesungguhnya telah datang kepada kamu keterangan yang nyata (mukjizat) daripada tuhan kamu. Iaitu seekor unta betina dari Allah bagi kamu sebagai membuktikan kebenaran ku. Oleh itu, biarkan unta ini mencari makan di bumi Allah dan janganlah kamu menyentuh dengan sesuatu yang menyakitinya. Jika kamu sentuh maka kamu akan ditimpa azab yang seksa dan tidak terperi sakitnya.

## **3. Orang-orang yang lemah mudah mengikut utusan Allah**

Dalam kisah Nabi Saleh ini, kebanyakannya yang mengikuti beliau adalah daripada golongan yang lemah kerana tidak memberatkan mereka untuk mengikuti kebenaran. Manakala golongan-pembesar atau yang mempunyai pangkat mereka banyak berdebat dan mengikut hawa nafsu serta sukar untuk mengikut kebenaran. Buktinya terdapat dalam al-Quran, *Surah al-'Araf (7:74)* yang bermaksud ketua-ketua yang sombong takbur dari kaumnya berkata kepada orang-orang yang dipandang lemah iaitu orang-orang yang telah beriman di antara mereka “Tahukah kamu bahawa soleh itu diutus oleh tuhannya?” mereka menjawab sesungguhnya kami beriman kepada apa yang diutus untuk menyampaikannya.

## **4. Mengingatkan sasaran dakwah kepada nikmat yang telah dikurniakan Allah.**

Dalam kisah ini, Nabi Saleh telah banyak mengingatkan kaumnya tentang nikmat-nikmat yang Allah berikan kepada mereka seperti tanaman, buah-buahan, kebun yang pelbagai, kekuatan mengukir bukit menjadi rumah dan lain-lain. Oleh itu, hal ini perlu untuk disyukuri dan memohon pertolongan melalui ketaatan kepada Allah. Seorang pendakwah juga perlulah mengajak sasaran dakwahnya kepada Allah dengan salah satu caranya iaitu mengingatkan sasaran dakwahnya kepada nikmat-nikmat yang telah Allah anugerahkan. Perkara ini telah dirakam oleh Allah dalam al-Quran, *Surah al-'Araf (7:74)* yang bermaksud:

Dan kenanglah ketika Allah menjadikan kamu khalifah-khalifah selepas kaum Ad, dan di tempatkan kamu di bumi dengan memberi kemudahan untuk kamu mendirikan istana-istana di tanahnya yang rata dan memahat gunung-ganangnya untuk dijadikan rumah. Maka kenangkanlah nikmat-nikmat Allah itu dan janganlah kamu bermaharajalela melakukan kerosakan di muka bumi.

### **5. Seruan untuk bertaubat dan keampunan Allah**

Nabi Saleh mengajak Kaumnya agar segera bertaubat terlebih dahulu sebelum azab Allah menimpa dan tidak lupa untuk sentiasa memberi semangat tentang keampunan Allah yang luas.

### **6. Umat terdahulu diazab segera**

Kaum terdahulu dibinasakan Allah pada zamannya juga, akan tetapi umat Nabi Muhammad tidak begitu. Allah menangguhkan balasan dan hukuman kepada umat Nabi Muhammad sehingga di akhirat kelak. Manakala, kaum terdahulu yang ingkar kepada Allah dan Rasul tidak akan dapat bertahan lama kerana mereka telah menempah azab Allah secara tidak langsung. Mereka terus diazab Allah selepas beberapa peringatan telah disampaikan kepada mereka.

### **7. Dosa dan perbuatan mungkar yang dilakukan oleh sekumpulan masyarakat membuatkan satu kaum menjadi binasa.**

Dalam kisah ini juga, dapat dilihat bahawa sekumpulan masyarakat yang melakukan dosa secara besar-besaran telah mengakibatkan seluruh penduduknya musnah. Allah membinasakan, menghancurkan dan membersihkan mereka dari atas bumi ini akibat daripada pelanggaran perintah Allah yang dilakukan oleh segelintir dari mereka.

### **8. Orang yang angkuh dan sombong tidak kekal lama**

Antara kebahagiaan dalam kehidupan adalah bersederhana dalam semua perkara. Golongan yang sombong dan angkuh akan musnah akibat daripada perbuatan terkutuk mereka sendiri. Seperti kaum Thamud yang meninggi diri dan tidak mahu beriman kepada Allah telah dimusnahkan oleh Allah dengan azab-Nya yang pedih.

## **KESIMPULAN**

Nabi Saleh ialah keturunan Thamud bin Amir bin Iram bin Sam bin Nuh. Kaumnya disebut kaum Thamud sempena nama datuknya. Kaum Thamud ialah kaum yang sombong dan derhaka kepada Allah. Mereka diberi kesenangan, kemewahan, kesuburan tanah dan tanaman akan tetapi mereka tidak beriman kepada Allah. Disebabkan kedegilan dan kesombongan mereka Allah menimpakan azab-Nya kepada mereka. Setiap Nabi dan Rasul memiliki mukjizat yang tersendiri dari Allah. Mukjizat Nabi Saleh berupa seekor unta yang dari batu besar di balik sebuah bukit. Unta itu menghasilkan air susu yang dapat dimanfaatkan kepada ramai orang. Tetapi disebabkan kejahilan dan kederhakaan kaum Thamud, mereka telah mengingkari Nabi Saleh dan membunuh unta tersebut serta mencabar kemurkaan Allah. Setelah membunuh unta mereka merancang untuk membunuh Nabi Saleh namun Allah telah menyelamatkan Nabi Saleh dan orang-orang yang beriman. Mereka diazabkan oleh Allah dengan gempa yang sangat dahsyat dan mereka mati ibarat tiada mayat, tiada jasad, seolah-olah mereka tidak pernah hidup. Begitulah kisah kaum yang mendustakan Nabi dan mengingkari Allah.

Tugas para Nabi dan Rasul semenjak dahulu adalah sama iaitu menyampaikan dakwah dan syariat Allah. Mereka diwahyukan Allah untuk berdakwah kepada kaumnya, kemudian dianugerahkan mukjizat sebagai pembuktian kepada kaumnya. Nabi dan Rasul ialah insan yang terpilih oleh Allah bagi menyampaikan risalah-Nya. Mereka ialah insan yang maksum. Dalam kisah-kisah Nabi dan Rasul terdapat banyak pengajaran yang boleh dijadikan contoh atau teladan pada masa kini.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abdul Kareem Zaidan. 2014. *Al Mustafad Qisos Al-Quran Li Dakwah Wa al-duat*. Syria. Resalah Publisher.

Fadil Hasan Abbas. 2010. *Qosos Al-Quran Al-Karim*, Jordan. Dar Al-Nafais.

Husnil Mardyah. 2018. Pesan Moral Dalam Kisah Nabi Salih dan Kaumnya: Sebuah Kajian Tematik. Tesis Sarjana Fakultas Ushuluddin, Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.

Ibn Kathir. 2016. *Qosos al-Anbiya'*. Kaherah. Dar Salam.

Johari Yaman (Ptrj) Ibn Kathir. 2009. *Kisah Para Nabi Pengajaran dan Ikhtibar*. Selangor. Nadi Minda Resources.

Kholil Daryan Al Azhari. 2013. *Qosos Al-Anbiya'*. Beirut. Syarikah Dar Al Masyari'.  
Muhammad Mutawali Sya'rawi. 2005. *Qosos Al-Anbiya' Wa Sirah Al-Rasul Muhammad Wa Khulafa Al Rasul*. Kaherah. Dar Al-Quds.

Solah al-Khalidi. 2011. *Qosos al-Qurani*. Damsyik. Dar al-Qalam.

Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada pengertian al-Quran 30 Juz.

Zuraidha Hanum. 2014. *Kisah Kaum-Kaum Yang Dihancurkan Dalam al-Quran*. Tesis Sarjana Fakulti Ushuluddin dan Pemikiran Islam Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga. Indonesia: Yogyakarta.